

# Pasak anjur majlis sempena u-tahun

25 DEC 1986

**PENCAK / SILAT**  
SATU majlis penyampaian hadiah sempena ulang tahun ke-25 Persekutuan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (Pasak) akan diadakan Sabtu ini, mulai 7.30 malam.

Lebih daripada 10 hadiah akan diberi kepada para anggota yang telah lulus dalam pelbagai kursus silat dan ujian teori yang dianjurkan oleh persekutuan itu.

Menurut Bendahari Pasak, Cik Isiah Majid, acara menarik di majlis itu ialah

pertandingan silat kesenian.

Sebanyak 12 kumpulan dari beberapa balai rakyat telah menunjukkan bakat dalam peringkat saringan.

Tiga daripada 12 kumpulan itu akan dipilih untuk menunjukkan kecekapan masing-masing pada hari itu bagi merebut tempat pertama, kedua dan ketiga.

Majlis yang akan berlangsung di Balai Rakyat Kallang itu dianjurkan bersama dengan badan Budaya Melayu balai rakyat tersebut.

## SILAT OLAHRAGA

# Sembilan jaguh

8 Harian (M)

# Kelantan

25 DEC 1986

# mencabar

**SEMILAN** jaguh silat Kelantan akan bertarung hebat dalam Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan kali ketiga di Stadium Tertutup Kuala Terengganu mulai esok hingga 30 Disember.

Penolong pengarah Kebudayaan, Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan (JKBS) Negeri Kelantan, Aziz Harun berkata, mereka yang terpilih diketuai oleh Nik Kamil Nik Mohamad dan jurulatih Mohd Noor Mahmood.

**PENCAK SILAT**  
Antara yang terpilih ialah pesilat kelas A, Wan Abdul Halim Wan Mamat, Kelas B, Abdullah Mohamad, Kelas C, Mohamad Shawal Mohamad dan kelas berikutnya ialah Zamran Ramli, Mohd Noor Hassan, Zulkifli Shafie, Mohd Agus Mohd Noor, Azam Abas dan Mohd Fauzi Abdul Aziz.

Katanya, Kelantan akan menyertai dua acara yang dipertandingkan iaitu silat teriak dan silat gayung di kejuaraan itu.

Tambahnya, di kejohanan yang sama tahun lalu, di Johor Bharu, Kelantan berupaya merangkul tiga pingat iaitu dua emas dan satu gangsa dalam acara silat teriak dan silat gayung.

Kelantan akan memastikan penyertaannya kali ini dengan membariskan pesilat handalan akan berupaya merangkul lebih banyak pingat lagi.

Menurut Aziz, penyertaan Kelantan di kejohanan ini adalah program terakhir JKBS sepanjang tahun ini selain daripada tujuh rancangan lain yang membolehkan perbelanjaan berjumlah \$27,000.

Sementara itu, sebanyak 18 pasukan membatik 187 pesilat seluruh negara akan menyertai kejohanan ini yang mempertandingkan 19 kelas mengikut had umur serta berat badan.

Kejohanan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) dan Persatuan Silat Negeri Terengganu (Pesilat) ini bertemakan "Pengukuhan Silat Dalam Budaya Bangsa."

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola kejohanan, Ahmad Kassim Endut memberitahu Menteri Besar Terengganu, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad akan merasmikan kejohanan ini, manakala penutupnya oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar.

Tiga piala pusingan disediakan untuk kejohanan ini.

Piala pusingan itu ialah bagi pesilat terbaik sumbangan Datuk Haji Wan Mokhtar, pasukan terbaik (Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak) dan pesilat harapan oleh Presiden Pesaka, Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud.

Sementara itu Selangor menghantar 15 jaguh silatnya menyertai kejohanan ini.

Setiausaha Majlis Silat Negeri, Khalid Haji Osman yakin semua pesertanya dapat menunjukkan persembahan terbaik di samping meningkatkan mutu persilat negara.